

**KELESTARIAN DAN KEGAGALAN  
“PAKATAN RAKYAT” DALAM POLITIK  
MALAYSIA: 2008 – 2015**

**MOHD ZAMIRUL BIN MOHD DZAKI**

**UNIVERSITI SAINS MALAYSIA**

**2019**

**KELESTARIAN DAN KEGAGALAN  
“PAKATAN RAKYAT” DALAM POLITIK  
MALAYSIA: 2008 – 2015**

**oleh**

**MOHD ZAMIRUL BIN MOHD DZAKI**

**Tesis yang diserahkan untuk  
memenuhi keperluan bagi  
Ijazah Sarjana Sains Politik**

**Oktober 2019**

## PENGHARGAAN

Alhamdulillah rabbil ‘Aalamin dipanjatkan kepada Allah SWT kerana dengan rahmat dan hidayahNya jualan penyelidik dapat menyelesaikan penulisan tesis ini. Selawat dan salam juga diatitkan kepada nabi besar Muhammad SAW. Penyelidik mahu mengambil peluang ini untuk merakamkan jutaan terima kasih yang ikhlas kepada penyelia utama Prof. Madya Dr. Mohamad Zaini Bin Abu Bakar dan penyelia kedua Dr. Azmil Bin Mohd Tayeb atas segala bimbingan, tunjuk ajar dan bantuan yang telah diberikan sepanjang tempoh kajian ini dijalankan.

Terima kasih juga dirakamkan kepada Naib Canselor, Dekan Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan dan Dekan Institut Pengajian Siswazah Universiti Sains Malaysia yang telah memberikan kesempatan, fasiliti dan kemudahan. Setinggi – tinggi penghargaan juga diucapkan kepada kakitangan sokongan Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan terutamanya Pn. Roslina Mohamed Idros dan En. Abd Aziz K A Razak yang banyak membantu dalam proses dokumentasi sepanjang penyelidikan ini diadakan. Terima kasih juga disampaikan kepada pihak perpustakaan Universiti Sains Malaysia atas bantuannya.

Seterusnya, penghargaan juga diberikan kepada pihak *KDU Penang University College* dan *Centre for Pre – University Studies* terutamanya bekas ketua jabatan iaitu Dr Gary Tan yang telah memberi dorongan kuat untuk penyelidik melakukan penyelidikan ini dan ketua jabatan terkini Heng Chai Yen atas masa yang diberikan untuk penyelidik menyiapkan penyelidikan ini. Seterusnya jutaan terima kasih atas tajaan selama dua tahun yuran pengajian daripada *KDU Penang University College*.

Terima kasih dan doa kepada teman wanita saya, Lia Juita binti Kamal Ho Abdullah yang sedang bertarung dengan penyakit kanser leukemia tahap tiga, kerana

sangat memahami dan sentiasa memberi sokongan terhadap saya sepanjang menjalankan penyelidikan ini. Sesungguhnya semangat yang saya perolehi untuk menyiapkan tesis ini adalah datang dari semangat dia yang bertarung melawan penyakit tersebut. Moga dengan rahmat Allah, beliau akan diberikan kesihatan seperti sediakala.

Akhir sekali, terima kasih kepada kedua ibu bapa, rakan – rakan sepejabat dan infoman – infoman terutamanya daripada aktivis politik, Democratic Action Party (DAP), Parti Amanah Negara (AMANAH), Parti Keadilan Rakyat (PKR), Parti Islam Se – Malaysia (PAS) dan United Malays National Organisation (UMNO) dan ahli – ahli akademik yang banyak membantu. Tak dilupakan jasa Ustaz Wan Ji Wan Hussin yang telah banyak membantu untuk mendapatkan temujanji dengan ahli – ahli politik dalam usaha menyiapkan tesis ini. Penyelidik mengharapkan semoga Allah SWT membalas kebaikan kepada semua pihak yang memberikan bantuan dalam menjayakan tesis ini. Aamiin

Pulau Pinang,

Oktober 2019

Mohd Zamirul Bin Mohd Dzaki

## ISI KANDUNGAN

<b>PENGHARGAAN</b> .....	ii
<b>ISI KANDUNGAN</b> .....	iv
<b>SENARAI JADUAL</b> .....	vii
<b>SENARAI RAJAH</b> .....	viii
<b>SENARAI SINGKATAN DAN KEPENDEKAN</b> .....	ix
<b>SENARAI LAMPIRAN</b> .....	xi
<b>ABSTRAK</b> .....	xii
<b>ABSTRACT</b> .....	xiv
<b>BAB 1 - PENGENALAN</b> .....	1
1.1    Pendahuluan .....	1
1.2    Latarbelakang Kajian .....	2
1.3    Pernyataan Masalah Kajian.....	5
1.4    Objektif Kajian.....	13
1.5    Persoalan Kajian .....	14
1.6    Definisi Operasional .....	14
1.6.1    Pakatan Rakyat .....	15
1.6.2    Ideologi.....	15
1.6.3    Kelestarian.....	15
1.6.4 <i>Shuttle negotiation</i> .....	16
1.6.5 <i>Unity government</i> .....	17
1.7    Skop Kajian.....	17
1.8    Kepentingan Kajian .....	19

<b>BAB 2 - SOROTAN KARYA DAN KERANGKA TEORITIKAL</b> .....	21
2.1    Pendahuluan .....	21
2.2    Kerjasama Parti Pembangkang pada era tahun 1999 – 2015 dan Pakatan Rakyat.....	21
2.3    Kerangka Teoritikal .....	39
2.3.1    Teori “Gabungan Politik” .....	39
2.3.2    Teori “Konsensus” .....	49
2.3.3    Kerangka Teoritikal Kelestarian.....	57
2.4    Kesimpulan .....	58
 <b>BAB 3 - METODOLOGI KAJIAN</b> .....	 60
3.1    Pengenalan .....	60
3.2    Reka Bentuk Kajian .....	60
3.3    Kaedah Pengumpulan Data.....	62
3.3.1    Temu bual .....	62
3.3.2    Data Perpustakaan .....	65
3.4    Analisis Data .....	66
3.5    Kesimpulan .....	67
 <b>BAB 4 - DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN</b> .....	 68
4.1    Pendahuluan .....	68
4.2.    Pakatan Rakyat dalam PRU– 13: Satu Analisis.....	68
4.3    Cabaran – cabaran dalam Kerjasama Parti – parti Komponen Pakatan Rakyat.....	108
4.4    Analisis Isu – isu Kelestarian Kerjasama dalam Pakatan Rakyat.....	147
4.5    Kesimpulan .....	174

<b>BAB 5 - PERBINCANGAN, IMPLIKASI TEORITIS, KESIMPULAN DAN CADANGAN .....</b>	<b>177</b>
5.1 Pendahulun.....	177
5.2 Perbincangan.....	177
5.3 Implikasi Teoritikal.....	179
5.3.1 Penyumbang Kelestarian: Matlamat Bersama.....	179
5.3.2 Penyumbang Kelestarian: Kepimpinan .....	180
5.3.3 Penyumbang Kelestarian: Pengurusan Konflik.....	180
5.3.4 Penyumbang Kelestarian: Pengurusan Ideologi.....	181
5.3.5 Penyumbang Kelestarian: Kepercayaan .....	181
5.3.6 Penyumbang Kelestarian: Persetujuan Bersama .....	182
5.3.7 Penyumbang Kelestarian: Hormat.....	182
5.3.8 Penyumbang Kelestarian: Kerjasama.....	183
5.3.9 Cabaran Kelestarian: Perbezaan Ideologi.....	183
5.3.10 Cabaran Kelestarian: Perubahan Kepimpinan.....	184
5.3.11 Cabaran Kelestarian: Kekurangan Sumber .....	184
5.3.12 Cabaran Kelestarian: Krisis Dalaman .....	185
5.4 Kesimpulan .....	185
5.5 Cadangan kepada Penyelidik di Masa Hadapan .....	197
5.6 Penutup .....	197
 <b>BIBLIOGRAFI .....</b>	 <b>199</b>
 <b>LAMPIRAN</b>	

## SENARAI JADUAL

	<b>Halaman</b>
Jadual 2.1 Pembinaan Kelestarian.....	55
Jadual 4.1 Pencapaian PAS dalam PRU-13 tahun 2013 .....	163



## SENARAI RAJAH

	<b>Halaman</b>
Rajah 2.1	Kerangka Teoritikal Kelestarian ..... 57
Rajah 4.1	Tuan Guru Nik Abdul Aziz penjinak ‘Harimau Jelutong’ (Ahmad, 2016) ..... 150

## SENARAI SINGKATAN DAN KEPENDEKAN

1MDB	1 Malaysia Development Cooperation
A.A	Ahli Akademik
A.P	Ahli Politik
A.T	Aktivis
ABIM	Angkatan Belia Islam Malaysia
AMANAH	Parti Amanah Negara
APU	Angkatan Perpaduan Ummah
BA	Barisan Alternatif
BERJASA	Barisan Jemaah Islamiah Se – Malaysia
BERSIH	Gabungan Pilihan Raya Bersih dan Adil
BN	Barisan Nasional
CPF	Common Policy Framework
DAP	Democratic Action Party
DAPSY	Democratic Action Party Socialist Youth
DUN	Dewan Undangan Negeri
FELDA	Federal Land Development Authority
GERAKAN	Parti Gerakan Rakyat Malaysia
GST	Goods and Services Tax
HAMIM	Parti Hizbul Muslimin Malaysia
HINDRAF	Hindu Rights Action Force
IKRAM	Pertubuhan IKRAM Malaysia
IRC	Islamic Representative Council
IPF	Indian Progressive Front

ISA	Internal Security Act (Akta Keselamatan dalam Negeri)
JIM	Pertubuhan Jamaah Islah Malaysia
MARA	Majlis Amanah Rakyat
MCA	Malaysian Chinese Organisation
MIC	Malaysia Indian Congress
MTUC	Malaysian Trades Union Congress
PAS	Parti Islam SeMalaysia
PBS	Parti Bersatu Sabah
PH	Pakatan Harapan
PKN	Parti Keadilan Nasional
PKR	Parti Keadilan Rakyat
PR	Pakatan Rakyat
PRM	Parti Rakyat Malaysia
PRU	Pilihan Raya Umum
PSRM	Parti Sosialis Rakyat Malaysia
ROS	Pendaftar Petubuhan
RUU	Rang Undang – Undang
S46	Parti Semangat 46
UG	Unity Government
UMNO	United Malays National Organisation

## SENARAI LAMPIRAN

		<b>Halaman</b>
Lampiran 1	Senarai Temu Bual	212
Lampiran 2	Senarai Soalan Temu Bual	214

# **KELESTARIAN DAN KEGAGALAN “PAKATAN RAKYAT” DALAM POLITIK MALAYSIA: 2008 – 2015**

## **ABSTRAK**

Pakatan Rakyat yang ditubuhkan pada 1 April 2008 ialah satu gabungan parti politik pembangkang terkuat yang pernah wujud dalam sejarah politik Malaysia sebelum era pra – peralihan kuasa daripada BN ke Pakatan Harapan. Perbezaan ideologi politik dan perseteruan politik khususnya antara Parti Islam SeMalaysia (PAS) dengan Parti Tindakan Demokratik (DAP) tidak menghalang mereka untuk bekerjasama dengan Parti Keadilan Rakyat (PKR) bagi membentuk satu gabungan politik. Melalui Pakatan Rakyat, ketiga – tiga parti ini dilihat mampu menjalankan pentadbiran secara bersama khususnya di Selangor, Perak dan Pulau Pinang. Walaupun menyedari akan perbezaan yang wujud antara mereka khususnya antara PAS dan DAP, mereka masih boleh terus bekerjasama hingga Pakatan Rakyat tersebut mencapai kejayaan terbesar dalam sejarah parti pembangkang di Malaysia dalam Pilihan Raya Umum ke-13 (PRU-13) tahun 2013. Setelah berjaya mencapai kejayaan yang terbaik tersebut, parti – parti komponen Pakatan Rakyat dilihat mula bercakaran. Perkara – perkara yang sebelum itu boleh dikompromi seperti soal ideologi dan sebagainya mula dimainkan semula dan ketegangan terus memuncak hinggalah Pakatan Rakyat itu akhirnya berpecah pada pertengahan tahun 2015. Ironinya Pakatan Rakyat itu berpecah disaat mereka sedang mendaki tangga kejayaan dan bukan seperti lazimnya perpecahan sesebuah gabungan politik itu boleh berlaku disaat sedang mengalami kekalahan. Kejayaan Pakatan Rakyat mempertahankan kerjasama antara mereka, cabaran – cabaran yang dihadapi oleh Pakatan Rakyat dan isu – isu yang membawa pergolakan adalah antara objektif kepada kajian ini. Kajian berbentuk

kualitatif ini telah dijalankan dengan menemubual seramai 17 orang infoman yang terdiri daripada ahli politik PKR, PAS, DAP dan United Malay National Organisation (UMNO) serta golongan aktivis politik dan beberapa orang ahli akademik dalam bidang sains politik. Selain itu kajian kepustakaan juga turut dijalankan bagi mendapatkan maklumat daripada kajian – kajian terdahulu yang menyentuh secara langsung dan tidak langsung berkenaan Pakatan Rakyat ini. Berdasarkan kepada data yang dianalisis mendapati Pakatan Rakyat itu mampu bertahan selama hampir lebih tujuh tahun adalah disebabkan oleh kepimpinan yang hebat daripada dua tokoh pemimpin utama mereka, iaitu Anwar Ibrahim dan Nik Abdul Aziz. Kedua tokoh ini mampu menguruskan perbezaan ideologi dan konflik dengan baik sewaktu memimpin Pakatan Rakyat. Setelah kehilangan dua tokoh ini Pakatan Rakyat mula goyah kerana kehilangan pemimpin yang boleh menyatukan mereka. Abdul Hadi Awang dilihat gagal memainkan peranan sebaik Nik Abdur Aziz Nik Mat. Kesimpulannya, sikap kebergantungan yang terlalu tinggi kepada pemimpin dilihat memberi kesan kepada Pakatan Rakyat kerana setelah mereka kehilangan dua pemimpin tersebut Pakatan Rakyat seolah – olah hilang nakhoda yang mampu mengemudi pelayaran politik mereka.

**SUSTAINABILITY AND FAILURE OF “PAKATAN RAKYAT” IN  
MALAYSIA’S POLITICS: 2008 - 2015**

**ABSTRACT**

Pakatan Rakyat, founded on 1<sup>st</sup> of April 2008 was a coalition of the strongest opposition political parties ever existed in Malaysia’s political history before the pre – transition era from BN to Pakatan Harapan. The differences of ideology and political foe especially between Malaysian Islamic Party (PAS) and Democratic Action Party (DAP) have not prevented them to collaborate with People’s Justice Party (PKR) to form a political coalition. Through Pakatan Rakyat, these three parties are seen able to carry out joint administrations especially in Selangor, Perak and Pulau Pinang. Despite the differences between PAS and DAP, they can still collaborate together until Pakatan Rakyat achieves their biggest victory in the history of opposition political parties in Malaysia during the 13<sup>th</sup> General Election in 2013. After the victorious win, Pakatan Rakyat’s component parties starts to disagree with each other. Matters that were previously compromised such as ideology and others begin to rise again and the tension peaks until Pakatan Rakyat’s split in the middle of 2015. Ironically, Pakatan Rakyat’s split was at their peak of success, unlike the usual split of political coalitions that happens during their defeat. The success of Pakatan Rakyat in defending their collaboration, the challenges that Pakatan Rakyat faced and the issues that lead to turbulence are some of the objectives of this study. This qualitative research is conducted by interviewing 17 infoman from PKR, PAS, DAP and United Malay National Organisation (UMNO) politicians, some political activists and also academicians in political science field. Other than that, a library research is also conducted to gather information from previous studies that directly and indirectly

affect Pakatan Rakyat. Based on the analysed data, the underlying reasons for Pakatan Rakyat's ability to survive for more than seven years is because of the tremendous leadership of their distinguished leaders, Anwar Ibrahim and Nik Abdul Aziz. Both leaders were able to manage the ideological differences and conflicts during their Pakatan Rakyat's leadership. After losing these two leaders, Pakatan Rakyat becomes unsteady. Abdul Hadi Awang fails to play the role as good as Nik Abdul Aziz. In conclusion, the high dependency towards the leaders is seen to affect Pakatan Rakyat because after losing the leaders, the party seems to be missing the skipper who can navigate their political cruises.



# **BAB 1**

## **PENGENALAN**

### **1.1 Pendahuluan**

Malaysia sebuah negara yang mengamalkan sistem demokrasi berparlimen semenjak dari mencapai kemerdekaan pada 31 Ogos 1957. Semenjak dari kemerdekaan Parti Perikatan iaitu gabungan antara United Malays National Organisation (UMNO), Malayan Chinese Association (MCA) dan Malayan Indian Congress (MIC) kemudiannya menjadi Barisan Nasional (BN) menjadi parti pemerintah tunggal hinggalah ke PRU-14 tahun 2018. Hasil gabungan oleh ketiga – tiga parti politik ini yang masing – masing berteraskan kaum iaitu Melayu, Cina dan India telah berjaya membawa Tanah Melayu mencapai kemerdekaan. Ini menunjukkan gabungan antara parti – parti politik adalah amat penting dalam memastikan kejayaan dalam mencapai matlamat sesuatu parti politik.

Memasuki era Malaysia moden pada hari ini parti politik seperti Parti Keadilan Rakyat (PKR), Democratic Action Party (DAP) dan Parti Islam SeMalaysia (PAS) pernah dan telah mengusahakan kerjasama politik antara mereka. Antara kerjasama politik parti pembangkang sebelum era PRU-14 yang dilihat berjaya mencapai satu pencapaian yang terbaik adalah Pakatan Rakyat. Pakatan Rakyat adalah sebuah gabungan politik tidak rasmi kerana mereka tidak pernah diluluskan pendaftaran dengan Pendaftar Pertubuhan (ROS).

Walaupun bagaimanapun kerjasama antara ketiga – tiga parti ini dilihat hampir menumbangkan BN yang pada itu merupakan parti pemerintah pada PRU-13 tahun 2013. Walaupun begitu, mereka tetap berjaya mengekalkan pemerintahan di beberapa buah negeri seperti di Selangor, Pulau Pinang dan Kelantan. Walaupun Pakatan Rakyat

dilihat sedang mendaki tangga kejayaan akhirnya mereka berpecah dan terkubur pada tahun 2015.

## **1.2 Latarbelakang Kajian**

Perkembangan parti – parti pembangkang sebelum era PRU-14 dilihat semakin aktif di Malaysia semenjak tahun 1998 dan disusuli dengan gerakan reformasi. Bermula pada waktu itu, parti – parti seperti DAP, PAS dan PKR dilihat mula menjalinkan kerjasama politik hingga terbentuknya Barisan Alternatif (BA) pada tahun 1999, Pakatan Rakyat 2008 dan yang terbaru Pakatan Harapan 2015. Walaupun dalam sejarah menunjukkan parti – parti pembangkang pernah bekerjasama dalam Angkatan Perpaduan Ummah (APU) sekitar 1995 tetapi kerjasama politik yang wujud pada waktu itu tidak terlalu signifikan berbanding selepas 1998. Melihat kembali pada era 70-an dan 80-an blok pembangkang seolah – olah tidak wujud. Setiap parti – parti pembangkang yang ada di Malaysia waktu itu hanya bergerak atas kapasiti sendiri. Situasi ini dilihat berbeza selepas 1999.

Gabung parti – parti pembangkang membentuk BA dalam memasuki PRU-10 tahun 1999 dan memperoleh kemenangan yang agak baik dalam pilihan raya tersebut. Menurut Omar (2015a) dua parti, iaitu PAS dan DAP dipaksa oleh situasi politik semasa untuk bergabung tenaga walaupun Gerakan Reformasi pada waktu lebih dekat dengan pergolakan politik Melayu, yakni PAS, UMNO dan Parti Keadilan Nasional (PKN) dan bukannya DAP.

Namun kerjasama ini tidak mampu bertahan lama kerana isu ideologi antara PAS dan DAP mula timbul. Sewaktu awal kerjasama PAS dan DAP cuba diwujudkan, perkara – perkara berkenaan ideologi dan sebagainya dilihat boleh dikompromi. Namun kompromi tersebut hilang setelah beberapa ketika. Selepas berjaya

mengurangkan BN dari segi undi popular, ahli dewan rakyat dan mengalahkan beberapa timbalan menteri dan menteri, Hamid (2008) menyatakan PAS mula kembali kepada idea asalnya yang pro-Islam. DAP antara parti yang tidak senang dengan tindakan PAS ini. Bagi DAP perkara ini bukan sahaja melanggar manifesto BA tetapi ianya juga tidak sesuai dengan demokrasi berparlimen, perkongsian kuasa masyarakat majmuk, hak asasi, hak wanita, kebebasan peribadi dan toleransi berperlembagaan. DAP akhirnya keluar dari BA pada September 2001 dan menutup pintu perundingan dengan PAS yang jelas mahu mengekalkan agenda Negara Islam (Hamid, 2008). Situasi ini membuatkan BA itu terkubur dengan sendirinya.

Selepas kegagalan BA ini, sebuah lagi gabungan parti pembangkang baru cuba diwujudkan yang digelar Pakatan Rakyat, yang dibentuk pada 1 April 2008. Menurut Latif (2015) Pakatan Rakyat adalah diusahakan oleh Anwar Ibrahim dan mendapat sokongan kuat daripada PAS dan DAP. Pendapat ini disokong oleh Mohd Sayuti Omar (2015b) yang juga mengatakan Anwar Ibrahim individu yang bertanggungjawab mencari formula merapatkan saf dalam Pakatan Rakyat. Tanpa Anwar tidak mungkin PAS dan DAP yang berlainan ideologi dan saling mencurigai dapat duduk bersama. Pakatan Rakyat sebenarnya diwujudkan selepas parti – parti pembangkang mendapat kemenangan yang agak besar dalam PRU-12 tahun 2008 pada peringkat persekutuan dan negeri.

Dalam usaha mewujudkan Pakatan Rakyat, Tan Sri Khalid Ibrahim yang pada waktu itu merupakan Setiausaha Agung PKR diamanahkan oleh Anwar untuk mengadakan perbincangan antara PAS dan DAP. Malaysian Digest (2016) melaporkan Tan Sri Khalid Ibrahim mengatakan usaha untuk menggabungkan PAS, PKR dan DAP adalah satu perkara penting bagi memastikan wujud pertandingan satu

lawan satu dalam PRU-12 tahun 2008. Namun ianya bukanlah satu perkara yang mudah.

*“Pada bulan Disember 2007, untuk buat perbincangan antara DAP dengan PAS, saya terpaksa ada dua meeting (mesyuarat), apabila saya jumpa PAS mereka nak duduk sama dia, bila saya jumpa DAP mereka nak duduk sama dia, jadi saya jadi orang tengah, mereka tidak mahu duduk semeja, minum teh pun tak mahu, itu 2008. “Itu sebab walaupun kita minta tolong ada pertandingan satu lawan satu, tapi pengalaman saya hanya apabila kita menang pada 2008 baru lah mereka nak duduk bersama, jadi maknanya ia bukan mudah,” ujarnya lagi.*

(Tan Sri Khalid Ibrahim; Malaysian Digest, 13 September 2016)

Gabungan PAS, PKR dan DAP ini mencipta sejarah dengan menang 82 daripada 222 kerusi parlimen dan menafikan majoriti dua pertiga BN dalam PRU-12 tahun 2008. Bukan itu sahaja, pembangkang juga berjaya menguasai kerajaan negeri Kedah, Kelantan, Pulau Pinang, Perak dan Selangor serta menang 10 daripada 11 kerusi parlimen dalam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (Teik, 2016).

Menurut Samad (2013) kejayaan ini menghasilkan Pakatan Rakyat dan gabungan parti pembangkang ini jelas menjejaskan kedudukan BN di setiap negeri dan juga pusat. Buat kali pertama dalam sejarah, satu gabungan parti politik yang berbilang kaum dan agama serta fahaman dapat dihasilkan yang bertindak bukan sekadar untuk menghadapi BN dalam pilihan raya, tetapi lebih jauh dari itu. Gabungan ini juga membuktikan kemampuan mereka memerintah beberapa buah negeri sebagai satu kerajaan gabungan baru dalam arena politik Malaysia.

### **1.3 Pernyataan Masalah Kajian**

Kajian ini telah menganalisis tahap kelestarian gabungan politik yang bernama Pakatan Rakyat yang pernah wujud di Malaysia. Antara ruang yang ingin diisi dalam kajian ini adalah berkenaan perkara apa yang membuatkan parti – parti seperti PAS dan DAP untuk duduk bersama dalam sebuah gabungan politik. Jika dilihat dari mata kasar kedua parti ini ibarat peribahasa anjing dan kucing yang memang sukar untuk duduk bersama. Namun sejarah politik Malaysia telah membuktikan yang mereka pernah duduk bersama dalam sebuah gabungan yang mantap yang dikenali sebagai Pakatan Rakyat. PAS dan DAP pernah duduk bersama dalam satu barisan ahli Majlis Mesyuarat kerajaan negeri di Selangor dan Pulau Pinang. Chen (2008) mendakwa satu yang mengejutkan apabila DAP sanggup mendirikan kerajaan campuran bersama PAS di Selangor, Perak dan Pulau Pinang. Ini kerana umum mengetahui DAP dan PAS mempunyai ideologi yang sangat berbeza tetapi pada satu masa mereka boleh bekerjasama bukan hanya dalam pilihan raya tetapi dalam mendirikan kerajaan.

Dalam tempoh itu, soal perbezaan ideologi tidak pernah cuba ditimbulkan oleh mereka. Setiap perbezaan dan masalah yang timbul dapat diselesaikan dengan baik sepanjang tempoh mereka bersama dalam Pakatan Rakyat. Dalam konvensyen Pakatan Rakyat pada tahun 2010 ketiga – tiga pemimpin utama Pakatan Rakyat dari ketiga – tiga parti, iaitu Anwar Ibrahim, Lim Kit Siang dan Abdul Hadi Awang telah menandatangani satu perjanjian yang dipanggil Agenda Bersama Pakatan Rakyat. Dalam Agenda Bersama yang ditandatangani itu langsung tidak menyebut tentang pelaksanaan hukum Hudud dan Negara Islam tetapi ianya diterima dengan baik oleh pemimpin PAS, iaitu Abdul Hadi Awang pada waktu itu. Antara empat Agenda Bersama yang telah dipersetujui pada Konvensyen Pakatan Rakyat 2010 (Eng, 2010) adalah seperti berikut:

Dasar Bersama adalah berlandaskan 4 kerangka asas, iaitu:

1. Demokrasi yang telus dan tulen untuk memperkasakan ketuanan rakyat.
2. Memacu ekonomi berprestasi tinggi yang mampan untuk menjaga kemakmuran dan kebajikan kepada semua secara adil.
3. Keadilan sosial bagi menjamin pembangunan insan secara menyeluruh.
4. Hubungan persekutuan – negeri dan dasar luar negara yang adil dan setara.

Jika diperhatikan dalam Agenda Bersama tersebut ianya langsung tidak menyebut berkenaan Hudud dan Negara Islam tetapi PAS dan pemimpinnya boleh bersetuju dan tidak timbul sebarang konflik pada waktu itu. Ini memperlihatkan seolah – oleh Hudud dan Negara Islam bukanlah isu yang diberi keutamaan oleh PAS pada waktu itu. Dengan kata lain PAS boleh bertolak ansur berkenaan ideologi yang mereka tunjangi selama ini dalam Agenda Bersama tersebut. Lebih menarik lagi, dalam laporan Utusan Malaysia (2008), Abdul Hadi Awang dengan terbuka menyatakan hukum Hudud bukanlah sesuatu yang menjadi keutamaan untuk dilaksanakan sekiranya Pakatan Rakyat berjaya mengambil tampuk pemerintahan pada PRU-13. Ini merupakan satu kenyataan yang terbuka dan berani yang dikeluarkan oleh Presiden PAS sendiri ketika itu. Tambah Abdul Hadi Awang lagi keutamaan PAS adalah lebih kepada membasmi kemiskinan dan meningkatkan taraf hidup rakyat. Ini semua selari dengan apa yang turut dipersetujui oleh DAP dan PKR. Ini menunjukkan mereka terutamanya PAS dan DAP boleh berkongsi pendapat dan tidak timbul permasalahan dalam kalangan mereka.

Dalam tempoh Pakatan Rakyat terbentuk ianya dilihat sebagai sebuah gabungan parti – parti pembangkang yang terkuat pernah wujud dalam perjalanan politik Malaysia sebelum era PRU-14 (Izzuddin, M., 2015). Pada PRU-13 yang disifatkan sebagai ibu kepada 13 siri pilihan raya di Malaysia oleh Besar et al. (2014a)

menyaksikan Pakatan Rakyat yang terdiri dari gabungan PKR, PAS dan DAP berjaya menguasai 12 daripada 14 kerusi parlimen di kawasan bandar adalah sesuatu yang menakjubkan. Ketiga – tiga parti ini boleh bekerjasama walaupun pada dasarnya mereka menyedari yang terdapat perbezaan yang ketara antara mereka terutamanya dalam soal ideologi. Namun semua ini berjaya diketepi dan tidak ditimbulkan sepanjang pergelutan untuk memenangi pilihan raya tersebut. Mereka saling membantu antara satu sama lain seolah – olah memperlihatkan tidak pernah timbul masalah dalam kalangan mereka.

Situasi ini berubah pada selepas PRU-13 dengan tiba – tiba PAS mula membangkitkan semula agenda asal mereka iaitu Hudud dan Negara Islam yang sebelum ini, iaitu pada sebelum PRU-13 mereka boleh berkompromi. Perkara ini boleh dibaca melalui kenyataan – kenyataan yang dikeluarkan oleh individu yang sama iaitu Abdul Hadi Awang dalam beberapa laporan berita sekitar selepas PRU-13.

*"Bila kita nak mengemukakan usul yang berkait dengan undang – undang jenayah syariah (Hudud) di Kelantan, yang berkait dengan orang Islam sahaja, tidak ada kena mengena (dengan) orang bukan Islam." Kita sudah mengadakan pertemuan bersama dengan DAP dan (DAP) bersetuju Kelantan ada hak untuk mengemukakannya, DAP hak dia tak bersetuju." (Abdul Hadi Awang, Sumber Bernama yang dipetik dari Astro Awani, 19 Mei 2015)*

Tindakan ini dilihat sangat bertentangan dengan sikap PAS terutamanya Abdul Hadi Awang pada sebelum PRU-13. Bagi pihak DAP pula mereka memang daripada awal jelas dengan pendirian untuk tidak menerima pelaksanaan Hudud dan Negara

Islam. Sebaliknya mereka bersetuju dengan pelaksanaan Islam seperti mana yang termaktub dalam Perlembagaan Malaysia. Perkara ini sangat jelas dan PAS sendiri menyedarinya. Timbul persoalan disini ialah, mungkin PAS tidak memahami atau keliru dengan maksud “persetujuan DAP terhadap Islam” pada waktu itu. Mengapa semuanya manis dan indah dalam Pakatan Rakyat khususnya antara PAS dan DAP sebelum PRU-13 dan akhirnya berubah dengan mendadak selepas PRU-13? Berdasarkan carian maklumat berkenaan isu hubungan PAS dan DAP dalam Pakatan Rakyat ini tidak ditemui kenyataan terbuka DAP yang menyatakan mereka bersetuju dengan agenda Hudud PAS. Ini bermaksud DAP tidak pernah menipu PAS atau berpura – pura menerima Hudud dan ianya disedari oleh PAS. Sebaliknya banyak kenyataan – kenyataan yang dibuat oleh pimpinan PAS sebelum PRU-13 yang mengatakan Hudud bukanlah keutamaan pada mereka pada waktu itu. Jadi apakah yang membuatkan selepas PRU-13, Hudud kembali menjadi keutamaan kepada PAS?

Walaupun begitu kemantapan dan keutuhan Pakatan Rakyat ini tercabar dengan beberapa isu hingga menyebabkan Pakatan Rakyat tersebut musnah pada tahun 2015. Menjadi persoalan disini ialah bagaimana parti – parti dalam Pakatan Rakyat ini boleh bekerjasama hingga menempah kemenangan yang lebih baik pada PRU-13 dan apakah pula faktor yang menyebabkan kerjasama ini tidak boleh bertahan lama tidak seperti kerjasama politik BN yang dilihat mampu bertahan dari pilihan raya pertama 1955 hingga Mei 2018 yang menyaksikan pertama kalinya BN mengalami kekalahan. Walaupun BN tewas dalam PRU-14 namun sejarah membuktikan mereka mampu bertahan sebagai sebuah parti gabungan selama 60 tahun berbanding dengan Pakatan Rakyat yang hanya mampu bertahan sekitar lapan tahun walaupun mereka mempunyai sokongan yang boleh dikatakan agak kuat pada PRU-13.



Umum mengetahui parti – parti pembangkang di Malaysia sebelum era PRU-14 mempunyai ideologi yang berbeza. Persoalannya, bagaimana mereka boleh menjalinkan hubungan dalam keadaan ideologi mereka yang berbeza tersebut? Dengan kata lain walaupun blok pembangkang sebelum era PRU-14 itu mempunyai kerencaman yang pelbagai tetapi ianya tidak menghalang mereka untuk menjalinkan beberapa siri hubungan politik. Fakta menunjukkan blok pembangkang sebelum era PRU-14 telah menjalinkan kerjasama lebih dari sekali walaupun dalam keadaan masing – masing menyedari yang mereka ini berbeza dari sudut ideologi.

Dalam Utusan Malaysia (2009), Chandra Muzaffar mengatakan ketiga – tiga parti iaitu PKR, PAS dan DAP tidak mempunyai hala tuju yang sama. Walaupun begitu fakta telah membuktikan mereka tetap boleh bekerjasama bukan sahaja dalam beberapa PRU dan beberapa siri pilihan raya kecil tetapi hingga ke tahap mentadbir sebagai kerajaan dalam beberapa buah negeri secara bersama. Berbalik kepada tahun 1999 parti – parti pembangkang di Malaysia mengusahakan gabungan yang dipanggil BA. BA ini hanya mampu bertahan sekitar tiga tahun dan ianya berpecah pada tahun 1999. Antara faktor utama penyumbang kepada perpecahan BA ini ialah berkenaan isu ideologi antara PAS dan DAP. DAP menuduh PAS telah melanggar perjanjian dengan mahu melaksanakan undang – undang Negara Islam sebaliknya DAP telah terlebih dahulu sedar bahawa menegakkan Negara Islam itu adalah matlamat utama parti PAS semenjak awal penubuhannya lagi (Mutalib, 2009).

Menariknya, selepas itu pada tahun 2008 PAS dan DAP sekali lagi kembali bersahabat baik bersama PKR dalam gabungan baru yang dikenali sebagai Pakatan Rakyat. Mereka menjalinkan kerjasama dalam keadaan mereka sendiri pernah bergaduh berkenaan perbezaan ideologi. Masih belum terjawab berkenaan perkara yang mengikat kerjasama PAS dan DAP pada waktu itu dalam Pakatan Rakyat. Perkara

apakah yang membuatkan PAS dan DAP bersetuju dengan pendapat PKR untuk mewujudkan pertandingan satu lawan satu bagi berhadapan dengan BN dalam PRU-12 tahun 2008 dan selepas itu bergabung membentuk kerjasama politik dalam menjalankan pentadbiran di beberapa buah negeri khususnya Selangor, Perak dan Pulau Pinang. Sedangkan kedua – dua parti ini pernah bergaduh dan saling menyerang antara satu sama lain sebelum tahun 2008.

Selepas Pakatan Rakyat mendapat kejayaan yang agak memberangsangkan dalam beberapa siri pilihan raya kecil selepas PRU-12 dan pertambahan kerusi parlimen pada PRU-13, gabungan parti – parti dalam Pakatan Rakyat ini dilihat kembali goyah. Isu yang menggoyahkan kerjasama dalam Pakatan Rakyat ini bukanlah isu baru tetapi isu lama yang dikitar semula oleh mereka sendiri iaitu isu ideologi dan matlamat perjuangan. PAS dan DAP sekali lagi bergaduh berkenaan perbezaan ideologi.

Ketegangan antara PAS dan DAP ini memuncak pada tahun 2015 hingga membawa perpecahan kepada gabungan Pakatan Rakyat. Situasi ini memperlihatkan seolah – olah politik ulang tayang. Sekali lagi persoalan timbul berkenaan sikap dan tindakan parti – parti dalam Pakatan Rakyat ini terutamanya PAS dan DAP. Mereka bukannya tertipu oleh satu sama lain dalam menjalinkan kerjasama ini sebaliknya mereka seolah – oleh membiarkan diri mereka untuk ditipu. Ini kerana sebelum tahun 2008 DAP memang sedar yang matlamat perjuangan PAS adalah menegakkan Negara Islam dan PAS juga sedar yang matlamat utama DAP adalah menegakkan negara sekular (Amly, 2015). Kedua – dua ideologi ini umpama minyak dan air yang memang tidak boleh disatukan. Walaupun begitu mengapa mereka bersetuju untuk menjalinkan kerjasama dalam Pakatan Rakyat dalam keadaan masing – masing menyedari yang mereka ini berbeza?

Dari satu lagi sudut adalah berkenaan pengurusan ideologi antara parti itu sendiri. Persoalan yang timbul adalah berkenaan kepentingan ideologi dalam menguruskan kerjasama antara parti – parti pembangkang. Dalam perjalanan hayat Pakatan Rakyat soal ideologi dapat diuruskan dengan baik oleh semua parti komponennya. Setelah selesai PRU-13 kelihatan Pakatan Rakyat ini mula hilang arah dalam menguruskan isu ideologi yang timbul. Parti PAS misalnya, dilihat mendapat jumlah kerusi parlimen yang terbanyak dalam sejarah perjalanan politik mereka hanya setelah mereka melonggarkan ideologi Islam tegar yang mereka bawa selama ini. Walaupun itu dilihat antara faktor yang menyumbang pertambahan kerusi parlimen PAS namun selepas PRU-13 mereka seolah – olah mengambil jalan ke belakang dengan menimbulkan semula isu ideologi seperti Negara Islam dan Hudud. Mereka sendiri menyedari yang mereka akan kehilangan sokongan dari pengundi bukan Melayu yang mereka perolehi dalam PRU-13 jika mereka menimbulkan semula isu Negara Islam dan Hudud tetapi PAS seperti tidak mengendahkan semua itu dan bagi mereka ideologi menegakkan Negara Islam adalah lebih penting dari mendapatkan sokongan bukan Melayu.

Berbanding dengan BN ideologi yang mereka perjuangkan adalah jelas iaitu membawa pembangunan dan kesejahteraan kepada kaum – kaum yang terdapat di Malaysia. Setiap parti komponen yang bernaung di bawah BN memainkan peranan masing – masing dalam membawa pembangunan kepada rakyat. BN tidak menekankan ideologi secara khusus sebaliknya menekankan perkara – perkara yang dilihat dimahukan oleh rakyat.

Dalam menyentuh berkenaan pergolakan dalam Pakatan Rakyat, kajian ini ingin melihat berkenaan isu yang membawa kepada perpecahan Pakatan Rakyat itu sendiri. Menariknya isu – isu seperti perbezaan ideologi, hilang kepercayaan dan tidak

menghormati antara komponen Pakatan Rakyat tidak pernah muncul pada awal pembentukan. Ia hanya timbul selepas PRU-13 dan jika mengatakan keputusan PRU-13 itu yang telah mendorong timbulnya isu dan pergolakkan, justifikasi itu dilihat masih kurang sesuai kerana keputusan yang diperolehi oleh Pakatan Rakyat dalam PRU-13 adalah lebih baik berbanding dengan PRU-12. Ini menunjukkan Pakatan Rakyat itu bergolak ketika mereka sedang mendaki tangga kejayaan dan bukannya pada keadaan mereka sedang kehilangan sokongan. Lumrah gabungan politik, sesebuah gabungan itu boleh berpecah sekiranya mereka mula kehilangan sokongan seperti mana yang terjadi pada BN pada pasca PRU-14, namun keadaan sebaliknya berlaku pada Pakatan Rakyat apabila mereka berpecah dalam keadaan sokongan rakyat terhadap mereka semakin bertambah dan populariti BN iaitu musuh politik mereka sedang menurun.

Tsebelis, G., & Ha, E. (2013) mengatakan sesebuah gabungan politik akan mampu bertahan sekiranya mempunyai institusi yang kuat. Pakatan Rakyat pada waktu itu dilihat mempunyai institusi yang agak kuat dengan menguasai beberapa buah negeri dan peningkatan jumlah sokongan dalam pilihan raya. Namun, mereka berpecah diambang kejayaan dan bukannya diambang kekalahan seperti kebiasaannya yang berlaku kepada gabungan – gabungan politik lain. Situasi ini telah mencabar norma asal sesuatu gabungan politik.

Bukan satu perkara mudah untuk parti – parti politik, khususnya yang berteraskan ideologi seumpama PAS dan DAP untuk dapat menjalinkan persefahaman politik dan menggariskan dasar – dasar bersama seperti dalam “*Common Policy Framework*” (CPF) (Ahmad, 2015). Ini menunjukkan perjalanan Pakatan Rakyat yang mampu mengekalkan usianya selama hampir 8 tahun dalam politik Malaysia mempunyai cabaran – cabaran tertentu. Cabaran – cabaran ini menuntut kematangan

dan kemahiran yang tinggi oleh pemimpin dan ahli parti dalam mengatasinya. Pakatan Rakyat pada suatu tahap dilihat mampu mengatasi cabaran ini namun apabila sampai ke satu tahap lagi mereka kelihatan sudah tidak terdaya dan tidak termampu untuk mengatasi cabaran – cabaran yang menjelma pada waktu itu.

Data – data kajian yang dipungut telah dianalisis pada bahagian seterusnya bagi menjawab tentang bagaimana Pakatan Rakyat yang pada awalnya mampu mengatasi cabaran yang wujud dan apakah yang menyebabkan pada tahap seterusnya Pakatan Rakyat itu kelihatan sudah tidak mempunyai kekuatan lagi menguruskan cabaran yang wujud hingga menyebabkan mereka terpaksa berpecah. Isu – isu yang masih belum terjawab ini telah dirungkai dalam bahagian – bahagian seterusnya, antaranya berkenaan konflik, pergaduhan dan pertikaian dalam Pakatan Rakyat itu khususnya antara PAS dan DAP hanya timbul selepas PRU-13. Sebelum PRU-13 semuanya boleh dikompromi dengan baik dan memperlihatkan seolah – olah tiada isu besar yang membelanggu mereka. Namun ianya berubah pada selepas PRU-13 dalam keadaan Pakatan Rakyat berjaya menambah bilangan kerusi parlimen atau dengan kata lain telah mencapai kejayaan yang paling baik dalam sejarah gabungan politik pembangkang sebelum era PRU-14.

Dengan permasalahan kajian yang dinyatakan ini beberapa objektif kajian telah diwujudkan dan ditimbulkan beberapa persoalan kajian dengan tujuan untuk memberi jawapan kepada permasalahan kajian yang telah dinyatakan tadi.

#### **1.4 Objektif Kajian**

Berdasarkan kepada pernyataan masalah yang telah dinyatakan, beberapa objektif daripada kajian ini adalah seperti berikut:

1. Mengkaji kejayaan gabungan Pakatan Rakyat dari PRU-12 hingga selepas PRU-13.
2. Mengenalpasti cabaran – cabaran dalam mewujudkan kerjasama antara parti komponen Pakatan Rakyat.
3. Menganalisis isu – isu yang menjadi pergolakan dalam kelestarian kerjasama Pakatan Rakyat.

### **1.5 Persoalan Kajian**

Bagi mencapai objektif – objektif kajian yang ditimbulkan tadi, penyelidikan ini menggariskan beberapa persoalan seperti berikut:

1. Apakah strategi yang dilakukan dalam menjayakan kelestarian kerjasama Pakatan Rakyat dari PRU-12 hingga PRU-13?
2. Bagaimanakah bentuk cabaran yang dihadapi oleh Pakatan Rakyat dalam usaha untuk meneruskan kelestarian kerjasama antara parti komponennya?
3. Apakah isu yang menjadi pergolakan dalam Pakatan Rakyat sehingga menyumbang kepada kegagalan kelestariannya?

### **1.6 Definisi Operasional**

Terdapat lima kata kunci utama di dalam kajian ini, iaitu Pakatan Rakyat, ideology, kelestarian, *shuttle negotiation* dan *unity government*. Kata – kata kunci ini dipilih dan diperjelaskan dengan terperinci bagi memudahkan pemahaman terhadap maksud kata – kata kunci ini agar kajian ini dapat difahami dengan baik dan berkesan.

### **1.6.1 Pakatan Rakyat**

Pakatan Rakyat dalam kajian ini merujuk kepada gabungan politik yang terdiri daripada PAS, PKR dan DAP. Pakatan Rakyat diwujudkan menggantikan BA sejak tahun 2008 (Mutalib & Zakaria, 2015). Pakatan Rakyat ini diwujudkan bagi menyatukan pergerakan parti – parti pembangkang pada era sebelum PRU-14 bagi melawan BN. Pakatan Rakyat walau bagaimanapun bukanlah satu gabungan politik yang sah dari segi undang – undang kerana ianya tidak didaftarkan secara rasmi oleh ROS.

### **1.6.2 Ideologi**

Ideologi wujud daripada andaian *taken – forgranted*, kepercayaan dan sistem nilai yang dikongsi bersama oleh kelompok masyarakat. Ideologi yang dominan diketengahkan melalui institusi sosial yang berwibawa, seperti kerajaan, undang – undang dan sebagainya (Simpson, 1993). Ideologi yang dimasukkan dalam kajian ini adalah merujuk kepada matlamat perjuangan yang dibawa oleh parti – parti dalam blok pembangkang itu sendiri. Soal ideologi diambil kira dalam kajian ini kerana berdasarkan beberapa kajian lepas isu berkenaan ideologi sering membawa kepada kegagalan dalam gabungan blok pembangkang. Namun begitu, dalam sesuatu keadaan parti – parti pembangkang ini seolah – olah tidak menitik beratkan soal ideologi dalam mencapai kemenangan dalam pilihan raya.

### **1.6.3 Kelestarian**

Hussin (2014) mengatakan kelestarian adalah leksikon bahasa Melayu yang dikaitkan dengan leksikon “*sustainability*” dalam bahasa Inggeris. Konsep kelestarian ini merupakan satu paradigma pemikiran futuristik dengan mengambil kira keseimbangan

persekitaran, ekonomi dan sosial dalam merancang pembangunan dan peningkatan kualiti hidup (SK Zamhari, 2016). Bagaimanapun jika dilihat dari sudut konotatif “kelestarian”, ia bukan sahaja “mengekalkan sesuatu yang ada seperti sediakala” tetapi menambah nilai pada sesuatu itu supaya terus relevan dalam kelangsungan suasana hidup atau survival masa depan. Dalam kajian ini kelestarian merujuk kepada hubungan dalam kalangan parti komponen Pakatan Rakyat yang terdiri daripada PKR, PAS dan DAP. Pakatan Rakyat dilihat cuba untuk mengekalkan kelestariannya ke tahap untuk menjadi kerajaan persekutuan namun mereka menghadapi kegagalan dalam mengekalkan kelestarian tersebut.

#### **1.6.4 *Shuttle negotiation***

*Shuttle negotiation* yang dimaksudkan dalam kajian ini ada merujuk kepada proses rundingan yang dilakukan secara tidak bersemuka antara PAS dan DAP pada sebelum PRU-12. Dalam proses rundingan tersebut Tan Sri Khalid Ibrahim mewakili PKR dengan bertindak sebagai orang tengah atau mediasi menjalankan rundingan dengan PAS dan DAP secara berasingan tempat dan masa. Ini kerana PAS dan DAP pada waktu itu sedang bermusuhan sehingga usaha untuk membawa mereka duduk bersama dalam satu meja rundingan adalah mustahil, maka kaedah *shuttle negotiation* ini diperlukan dalam menjalankan rundingan antara kedua – dua pihak ini. Kleiboer (1996) mengatakan orang tengah atau mediator bertindak sebagai saluran komunikasi kepada dua pihak yang sedang bersengketa.



### **1.6.5 *Unity government***

*Unity government* yang dimaksudkan dalam kajian ini adalah merujuk kepada konsep kerajaan perpaduan yang menggabungkan PAS dan UMNO yang pernah dicadangkan oleh Abdul Hadi Awang pada sekitar tahun 2009. Konsep tersebut secara umumnya menuntut supaya BN berkongsi kuasa dengan Pakatan Rakyat pada peringkat pembentukan kerajaan persekutuan. Setiap kementerian mesti dikuasai bersama dan dasar perlu ditentukan secara konsensus (Wafdi, 2019). Namun, konsep kerajaan perpaduan ini tidak menjadi realiti kerana parti komponen dalam Pakatan Rakyat seperti DAP dan PKR tidak bersetuju dengan cadangan tersebut (Suhana Saad et al. 2012). Walau bagaimanapun, konsep kerajaan perpaduan ini masih diperkatakan dalam wacana kerjasama dan perpaduan politik di Malaysia sehingga kini yang berfokuskan permuafakatan politik antara PAS dengan UMNO (Wafdi, 2019).

### **1.7 Skop Kajian**

Skop kajian yang diambil dalam kajian ini adalah dari tahun 2008 hingga 2015. Tahun 2008 diambil kerana pada tahun tersebut berlakunya PRU-12 yang mana menyaksikan selepas pilihan raya tersebut Pakatan Rakyat ini terbentuk. Hayat Pakatan Rakyat itu seterusnya berjalan hinggalah pada pertengahan tahun 2015 yang menyaksikan ianya telah mengalami kegagalan dan berpecah secara rasminya. Walaupun kajian ini mengambil tempoh kajian dari tahun 2008 hingga 2015 namun maklumat dan data – data yang berlaku pada tahun sebelum 2008 khususnya pada sekitar 1999 juga sedikit sebanyak akan diberi perhatian kerana peristiwa politik yang berlaku pada tahun 1999 dan beberapa tahun selepas itu ada mempengaruhi dalam penubuhan Pakatan Rakyat dan perlu dilihat dalam kajian ini. Namun fokus yang sebenar adalah pada tahun 2008 hingga 2015.

Latarbelakang kepada pilihan raya 1999 membawa kesan yang signifikan kepada landskap politik Malaysia bilamana PAS dan DAP yang berlainan ideologi boleh bekerjasama. Namun tahun 2001 DAP keluar daripada BA kerana berbeza pendapat dengan PAS dalam isu Hudud yang sebelum ini mereka boleh bertolak ansur. DAP bertegas menolak hukum Hudud atas alasan ianya tidak sesuai atas faktor kepelbagaian agama di negara ini. Dalam PRU-11 tahun 2004 parti – parti pembangkang telah mengalami kekalahan teruk. BN memenangi 198 kerusi parlimen yang dipertandingkan berbanding 20 kerusi dimenangi oleh gabungan parti pembangkang. UMNO memenangi 109 kerusi, MCA memenangi 31 kerusi dan MIC memenangi 9 kerusi (Hock & Kesavapany, 2006) dan PAS hanya dapat mengekalkan 7 daripada 27 kerusinya sebelum ini.

Kerjasama PAS, PKR dan DAP dalam PRU-12 berjaya memenangi 82 daripada 222 kerusi Parlimen dan berjaya memerintah lima buah negeri. Selepas PRU-12 tahun 2008, perkembangan blok pembangkang boleh dikatakan berada dalam tahap maksimum. Mohamed (2008) mengatakan Pakatan Rakyat adalah gabungan parti pesaing yang terkuat pernah muncul dalam sejarah politik Malaysia. Pakatan Rakyat diwujudkan bagi menjalankan pentadbiran di beberapa buah negeri seperti Perak, Selangor dan Pulau Pinang. Kelantan dan Kedah walaupun kerajaannya selepas PRU-12 tahun 2008 dikuasai sepenuhnya oleh PAS namun sokongan daripada PKR dan DAP juga wujud dalam pentadbiran kedua – dua negeri tersebut.

Kerjasama ini berlanjutan hingga PRU-13 tahun 2013 yang menyaksikan pencapaian terbaik parti – parti pembangkang di Malaysia. Selepas beberapa tahun dari PRU-13 kerjasama dalam blok pembangkang mula goyah dan Pakatan Rakyat yang dibentuk pada tahun 2008 berpecah. Ini berlaku apabila wujud perselisihan pandangan politik antara PAS dan DAP dalam isu Hudud. PAS telah memutuskan

kerjasama politik dengan DAP tetapi tidak dengan PKR. Kesan daripada peristiwa ini telah mewujudkan satu parti baru yang merupakan serpihan PAS iaitu Parti Amanah Negara (AMANAH) yang mula menjalinkan kerjasama politik dengan DAP dan PKR yang mana mereka ini membentuk satu pakatan baru yang dipanggil Pakatan Harapan pada tahun 2016.

Skop kandungan kajian akan tertumpu kepada Pakatan Rakyat yang mana ianya pernah menjadi satu gabungan parti politik pembangkang terkuat yang pernah wujud di Malaysia pada era sebelum PRU-14. Antara parti politik yang menjadi tumpuan dalam kajian terhadap Pakatan Rakyat ini ialah PAS dan DAP. Ini kerana berdasarkan pembacaan hubungan antara PAS dan DAP inilah yang menjadi faktor berjaya dan gagalnya Pakatan Rakyat itu sendiri. PKR pula akan dilihat dari sudut bagaimana mereka memainkan peranan untuk membawa dua parti politik iaitu PAS dan DAP untuk duduk bersama hingga berjaya menjalankan pentadbiran dalam beberapa buah negeri. PKR dilihat sebagai orang tengah yang memegang tangan DAP dan PAS untuk membentuk Pakatan Rakyat. Semua ini bagi melihat faktor terbentuknya Pakatan Rakyat selepas PRU-12 dan peningkatan kemenangan mereka dalam PRU-13. Selain itu skop kandungan juga melihat kepada cabaran dan pergolakan dalam Pakatan Rakyat yang membawa kepada perpecahan mereka.

## **1.8 Kepentingan Kajian**

Kajian ini dilihat mempunyai peranan dan sumbangannya yang tersendiri. Antaranya ialah:

1. Dapat menyumbang kepada kefahaman teori gabungan politik khususnya kepada parti – parti politik di Malaysia.

2. Memberi pendedahan berkenaan pengurusan konflik dalam politik kepartian di Malaysia.
3. Memberi panduan dalam usaha untuk melahirkan sistem dua parti politik di Malaysia.

## **BAB 2**

### **SOROTAN KARYA DAN KERANGKA TEORITIKAL**

#### **2.1 Pendahuluan**

Untuk bahagian soroton karya ini beberapa jurnal, artikel, buku dan laporan berita berkenaan kerjasama politik dan blok pembangkang sebelum era PRU-14 telah diambil untuk dianalisis. Antara artikel yang menjadi tumpuan adalah seperti tulisan Loh Kok Wah, Muhammad Takiyuddin Ismail, Saifuddin Abdullah dan beberapa penulis lain (Wah, 2005; Abdullah, 2008; Ismail, 2012; Ismail & Sabiha, 2016). Idea dan pandangan mereka telah digabungkan dalam bahagian ini untuk membina satu kerangka teori berkenaan tajuk yang dikaji.

#### **2.2 Kerjasama Parti Pembangkang pada era tahun 1999 – 2015 dan Pakatan Rakyat**

Malaysia adalah sebuah negara yang mengamalkan sistem demokrasi tetapi pertukaran kuasa pemerintahan kerajaan persekutuan dilihat hanya berlaku setelah 60 tahun Malaysia mencapai kemerdekaan. Sepanjang tempoh 60 tahun tersebut pemerintahan Malaysia hanya didominasi oleh BN. Parti Perikatan yang dibentuk pada tahun 1955 dan dijenamakan semula dengan BN pada tahun 1970 terus menjadi parti pemerintah di Malaysia hinggalah akhirnya mereka tewas dalam PRU-14 tahun 2018.

Kerjasama dalam kalangan parti pembangkang sebelum era PRU-14 hanya dilihat aktif selepas tahun 1999. Mengambil tempoh pasca tragedi rusuhan kaum 13 Mei 1969 parti pembangkang pada waktu itu dilihat kurang menonjol dan kerjasama antara mereka boleh dikatakan tidak wujud. Selepas Tun Abdul Razak menjadi Perdana Menteri Malaysia menggantikan Tunku Abdul Rahman pergerakan parti –

parti pembangkang menjadi semakin lemah. Hampir semua parti – parti telah dijemput untuk menyertai BN. Cuma DAP yang tidak menyertai gabungan BN dan terus memainkan peranan parti pembangkang tunggal (Besar dan Ali, 2014b).

Bermula dari tempoh tersebut tidak pernah berlaku sebarang kerjasama dalam parti pembangkang. Seinggalah PAS keluar daripada BN pada 1978 dan mereka terus bergerak bersendirian sebagai parti pembangkang tanpa bekerjasama dengan parti pembangkang lain seperti DAP. Usaha PAS pada waktu itu hanyalah bagi menarik sokongan kaum Melayu dengan isu agenda Islam dan DAP menumpukan usaha untuk menarik sokongan bukan Melayu (Badaruddin, S., & Shahrudin, M. S. 2017). Walaupun matlamat mereka sama, iaitu mahu menumbangkan BN namun tidak ada satu kerjasama yang dilihat rasmi antara mereka. Situasi ini membuatkan BN terus konsisten mencapai kejayaan sekitar tahun 1970-an dan 1980-an.

Seinggalah lewat 80-an, iaitu pada 1987 berlaku pergolakan politik dalam UMNO hingga membuatkan UMNO terpecah kepada “*Team A*” dan “*Team B*”. Tengku Razaliyah yang tewas kepada Dr Mahathir dalam merebut jawatan Presiden UMNO pada tahun tersebut telah meninggalkan UMNO dan menubuhkan parti Semangat 46 (S46). Parti S46 kemudian bekerjasama dengan PAS untuk bersaing dengan UMNO Baru dalam pilihan raya tahun 1990 (Abadi, 1990). Parti S46 adalah antara pihak yang pertama mengusahakan pergabungan dalam kalangan parti – parti politik pembangkang di Malaysia. Namun kerjasama dalam gabungan tersebut tidak seperti yang berlaku pada pasca 1999.

Parti S46 menubuhkan gabungan parti pembangkang yang dikenali sebagai Gagasan Rakyat pada waktu itu. Gagasan Rakyat terdiri daripada parti S46, DAP, Parti Sosialis Rakyat Malaysia (PSRM), Indian Progressive Front (IPF) dan Parti Bersatu Sabah (PBS) yang meninggalkan BN menjelang saat – saat akhir PRU-8 (Ali et al.,

2016). Walaubagaimana PAS tidak mahu menyertai gabungan dalam Gagasan Rakyat kerana dasar Islam yang dibawa PAS membuatkan mereka tidak boleh bekerjasama dengan DAP yang memperjuangkan dasar sekular. Disini memperlihatkan perbezaan kerjasama politik pembangkang antara sebelum dan selepas 1999. Sehubungan dengan itu, Parti S46 menubuhkan satu lagi gabungan, iaitu Angkatan Perpaduan Ummah. Keanggotaan Angkatan Perpaduan Ummah terdiri daripada Parti Semangat 46, PAS, HAMIM dan BERJASA (Badaruddin, S., & Shahrudin, M. S. 2017).

Situasi pada waktu itu menunjukkan wujud dua gabungan parti politik pembangkang yang besar, iaitu Gagasan Rakyat dan APU. Kedua – duanya mempunyai matlamat yang sama, iaitu untuk menumbangkan BN tetapi atas sebab perbezaan ideologi membuatkan mereka tidak boleh membentuk satu gabungan pembangkang tunggal. Tong (2015) mengatakan parti S46 adalah penggerak kepada wujudnya kerjasama dalam parti pembangkang walaupun terpaksa dalam bentuk dua pasukan. Dari satu sudut lagi, memperlihatkan kepimpinan Tengku Razaliyah, walaupun beliau berjaya menghimpunkan parti – parti pembangkang bagi mewujudkan kerjasama, namun beliau masih lagi gagal untuk menyatukan antara PAS dan DAP hingga terpaksa mewujudkan dua gabungan pembangkang, iaitu Gagasan Rakyat dan APU.

Perbezaan ideologi merupakan tembok penghalang yang besar bagi membolehkan parti – parti pembangkang era tersebut terutama PAS dan DAP untuk duduk dalam sebuah gabungan pada sebelum 1999. Satu persoalan yang dilihat disini ialah ideologi memainkan peranan penting dalam sesebuah pergerakan politik. Namun kerana mempertahankan ideologi membuatkan parti – parti pembangkang ini menjadi lemah apabila berhadapan dengan BN yang merupakan satu gabungan parti – parti

politik yang kukuh dan lengkap dalam pelbagai sudut pada waktu itu. Walau bagaimanapun situasi ini kelihatan agak berbeza terutama dalam Pakatan Rakyat.

Berbeza dengan tahun 1999 hingga 2013 yang memperlihatkan wujud hanya satu gabungan parti pembangkang, iaitu BA dan selepas itu Pakatan Rakyat. Apa yang lebih menarik lagi dalam gabungan ini turut melibatkan dua parti politik pembangkang yang utama, iaitu DAP dan PAS yang sebelum tahun 1999 dilihat langsung tidak boleh bekerjasama. PKN yang juga merupakan serpihan daripada UMNO kesan pergolakan politik tahun 1998 dilihat memainkan peranan penting hingga membolehkan PAS dan DAP bersetuju untuk duduk bersama. Kerjasama ini digelar sebagai BA, yang terdiri dari PAS, DAP dan Parti Keadilan (Hamil et al., 2014).

Menjadi persoalan juga disini ialah berkenaan formula yang digunakan oleh PKN yang selepas itu menjadi PKR gunakan untuk membolehkan DAP dan PAS duduk dalam sebuah gabungan politik yang dikenali sebagai BA dan selepas itu dalam Pakatan Rakyat. Walaupun hari ini DAP dan PAS tidak lagi bersama namun fakta telah menunjukkan yang mereka pernah bersama bukan sekali tetapi dua kali dan bukan hanya dalam menghadapi pilihan raya tetapi juga dalam mentadbir beberapa buah negeri.

Usaha – usaha parti pembangkang untuk menumbangkan kerajaan BN dalam hampir 13 kali siri pilihan raya sebelum itu dilihat tidak berjaya. Antara perkara yang dilihat menyumbang kepada kegagalan parti – parti pembangkang ini untuk menumbangkan BN pada era sebelum PRU-14 ialah kerana tidak ada satu kerjasama kukuh antara parti – parti pembangkang di Malaysia pada waktu itu. Parti pembangkang di Malaysia seperti PAS, DAP dan PKR pada era tersebut terutamanya dalam tahun – tahun 1990-an dan 2000 dilihat masih lagi mencari – cari rentak untuk mencapai kejayaan dalam pilihan raya dan politik Malaysia.